



مجالیس فرینڈارن سیلیانگ
Majlis Perbandaran Selayang

**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA**
DATO' DR JUHARI BIN AHMAD, D.I.M.P.,A.M.N.,S.I.S.,A.M.S
TIMBALAN YANG DIPERTUA MPS
DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 7/2019
24 JULAI 2019, RABU
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS Bil. 7 /2019 bagi bulan Julai pada pagi yang berbahagia ini.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

1. Untuk makluman, sehingga 30 Jun 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM 49.12 juta (96.90%) daripada RM51 juta.
2. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM4.1 juta (58.25%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
3. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 1 April 2019. Sebanyak 27,093 keping waran telah dikeluarkan dan dihantar sehingga 30 Jun 2019.
4. Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu.
5. MPS turut akan menyita harta alih di dalam premis yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran premis tersebut. Bagi premis yang tidak diduduki, MPS akan mengambil tindakan melelong premis tersebut bagi menjelaskan tunggakan cukai taksiran selaras dengan seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

6. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.
7. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

PENARAFAN 5 BINTANG MELALUI PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)

8. Untuk makluman semua, baru-baru ini telah diadakan Majlis Penyampaian Pencapaian Cemerlang Dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) di Foyer SUK, Bangunan SSAAS pada 9 Julai 2019. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru.
9. Alhamdulillah, MPS telahpun berjaya menerima penarafan 5 Bintang melalui SPB-PBT bagi tahun 2018. Ini membuktikan bahawa MPS telah pun menunjukkan prestasi yang memberansangkan dengan mencapai kriteria yang telah ditetapkan.

10. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang terlibat yang telah bertungkus-lumus dalam usaha untuk mendapatkan pencapaian ini. Syabas diucapkan ..
11. Adalah diharapkan kejayaan ini akan menjadi pendorong untuk kita meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dan Warga Perbandaran Selayang.

PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) BAGI TAHUN 2019

12. Baru-baru ini pada 15 Julai hingga 17 Julai 2019 telah diadakan pembentangan Pencapaian Setengah Tahun 2019 Sasaran Kerja Tahunan (SKT).
13. Sesi pertandingan tersebut telah dijalankan dengan baik. Namun begitu, terdapat beberapa perkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh setiap jabatan agar SKT yang telah kita tetapkan pada awal tahun dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Di sini, saya ingin menyeru kepada semua pengarah agar dapat mengambil tindakan seperti yang telah dibincangkan di dalam pembentangan berkenaan.

UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILADHA

14. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua Ahli Majlis dan warga MPS yang beragama Islam yang bakal disambut pada 11 Ogos 2019 ini.
15. Saya juga ingin memaklumkan bahawa MPS dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) akan menganjurkan Program Ibadah Korban pada 14 Ogos 2019 di Perkarangan Tempat Letak Kereta Bangunan Lama MPS pada jam 8.30 pagi.
16. Saya mengalu-alukan penyertaan daripada Ahli-Ahli Majlis, para pengarah dan semua staf MPS untuk menyertai ibadah korban di mana harga satu bahagian lembu adalah sebanyak RM 680.00. Bagi yang berminat, tuan tuan dan puan-puan bolehlah menghubungi urusetia KSDK sebelum 2 Ogos 2019.
17. Akhir sekali, sempena cuti panjang ini pasti ramai yang akan pulang ke kampung halaman masing-masing atau pergi bercuti. Disini saya ingin berpesan agar aspek-aspek keselamatan di jalan raya perlu diutamakan dengan memandu secara berhemah ke destinasi masing-masing.
18. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh